

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Tuan / Puan,

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN SARINGAN PERTAMA BAGI PROGRAM SARJANA PERUBATAN SESI AKADEMIK 2019/2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman tuan/puan, permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Program Sarjana Perubatan Sesi Akademik 2019/2020 telah ditutup. Sehubungan dengan itu, pihak kami telah meneliti kesemua permohonan tersebut berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak JPA dan iklan tawaran.

3. Dimaklumkan bahawa semua pemohon Sarjana Perubatan Sesi Akademik 2019/2020 boleh membuat semakan keputusan Saringan Pertama di laman sesawang **<http://ehlp.moh.gov.my>** mulai **10.00 pagi pada 23 Oktober 2018 (Selasa)**.

4. Tarikh, tempat dan sesi temuduga akan ditentukan oleh jawatankuasa temuduga yang terdiri daripada Ketua Bidang Kebangsaan KKM dan universiti awam. Tuan/Puan akan dihubungi oleh jawatankuasa ini melalui panggilan telefon, emel atau surat menyurat mulai **November 2018 hingga Januari 2019**.

5. Sebarang pertanyaan atau permasalahan boleh diemelkan ke **ehlp@moh.gov.my** atau **hubungi urus setia penawaran HLP ditalian 03-8885 0694**.

Sekian, harap maklum.

**URUS SETIA SARJANA PERUBATAN
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN**